

S

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

SEKATA

JILID 7 BILANGAN 2
DIS 1989

ISSN 0217-4627
JAMADIL AKHIR 1410

- **KE ARAH PEMBAKUAN BAHASA MELAYU:
"PENGALAMAN MALAYSIA"**
- **BAHASA INDONESIA DAN
KEMAJUAN TEKNOLOGI**
- **PERSOALAN KATA MAJMUK
DALAM BAHASA MELAYU**
- **BULAN BAHASA 1990
KALENDAR KEGIATAN**

**JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN
SINGAPURA**

Daripada Editor

Ada peribahasa Melayu yang berkata: kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek. Secara mudah, peribahasa itu dimaknakan orang bahawa pekerjaan sendiri harus digarap juga di samping seseorang itu menggarap pekerjaan orang lain.

Dalam zamannya, raja ialah penguasa atau pemerintah; maka tiap rakyat mempunyai saham dalam tugas menggarap pekerjaan raja dalam urusan pemerintahan. Dalam zaman demokrasi, sekarang, urusan raja atau pemerintah itu disebut urusan negara atau urusan nasional. Maka tiap warga negara punya hak dan tanggungjawab terhadap urusan negara atau urusan nasional itu.

Maka peribahasa tadi menganjurkan agar betapapun dedikasi seseorang itu menggarap urusan nasional, namun urusan sendiri, urusan keluarga, janganlah diabaikan. Pekerjaan sendiri itu harus digarap juga – tidak dapat dijunjung, pekerjaan itu haruslah dikelek, namun digarap ia harus digarap bersama dengan urusan nasional.

Demikian halnya masalah kita dengan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Bahasa Inggeris membawa kita menyertai kegiatan dalam arus

nasional, manakala bahasa Melayu menjadi pemantap pelestarian budaya keturunan sendiri. Melayakkan diri hidup dalam masyarakat majmuk, kedua-dua bahasa itu harus sama-sama kita kuasai dengan baik.

Mementingkan bahasa Melayu sahaja akan mengasingkan kita dari arus nasional dan menjadikan kita digelar orang seperti **kera sumbang** di tengah-tengah kehidupan moden dalam zaman serba canggih (sophisticated); sedangkan mementingkan bahasa Inggeris sahaja akan mengasingkan diri kita dari kehidupan budaya dan tradisi sehingga kita digelar orang seperti **kacang lupakan kulit**.

Mengelakkan diri daripada dua gelar yang negatif itu, sambil untuk menjadikan diri kita orang bestari, maka kita harus berdiri di tengah-tengah dengan bahasa Inggeris di kiri dan bahasa Melayu di kanan; kedua bahasa itu harus kita kuasai dan kita gunakan di tempat dan pada masa yang layak – dalam arus nasional kita gunakan bahasa Inggeris dan dalam kumpulan sekebudayaan kita gunakan bahasa Melayu yang betul.

Jika mahu kita babitkan hal itu dengan peribahasa tadi mungkin boleh kita rumuskan: **bahasa Inggeris dijunjung, bahasa Melayu dikelek** atau kebalikannya; yang penting ialah keduanya kita kuasai dan kita nilai sama berat; jangan **bagai limau masam sebelah!**

Bagi sesiapa yang sudah berada dalam keadaan yang dinyatakan peribahasa tadi, mudah-mudahan mereka akan terus menjadi orang bestari lagi bijaksana dalam penggunaan bahasa negara dan bahasa budaya kita, tetapi bagi sesiapa yang belum mencapai tahap tinggi dalam penggunaan kedua bahasa itu, mudah-mudahan Bulan Bahasa 90 yang kebetulan dilancarkan dalam rencana Bulan Budaya sempena 25 tahun kemerdekaan Singapura ini akan memberikan kesedaran yang cukup bermanfaat dan membuka pintu hati mereka untuk membetuli sikapnya tentang penggunaan bahasa ibundanya.

Selain daripada membetuli sikap tentang penggunaan bahasa ibunda dan mempertingkat penggunaan bahasa Melayu yang betul, maka sesuai dengan motonya: **bahasa menjunjung budaya**, mudah-mudahan BB90 ini akan berhasil menyemarakkan budaya membaca sambil mempertingkatkan budaya beli bacaannya supaya karya sastera berbahasa Melayu akan dapat berfungsi sebagaimana layaknya.

Straits Times pernah menyatakan angka daya baca dan daya beli masyarakat berbahasa Melayu, katanya: seramai 211,000 pembaca Berita Harian per hari tetapi pembelinya hanya 43,836 orang. Ini menunjukkan kira-kira 5 pembaca membaca 1 belian. Demikian dengan Berita Minggu yang dibaca 246,000 orang per minggu dengan daya beli 56,091. Dengan jumlah masyarakat berbahasa Melayu yang kira-kira 400,000 jiwa, angka tadi menunjukkan hanya 50 peratus yang membaca dengan daya beli kira-kira 20 peratus daripada pembaca, atau 10 peratus daripada jumlah masyarakat berbahasa itu. Ke manakah yang 90 peratus lagi?

Mungkin itulah golongan orang yang diseru pantun:

1. Arak-arak kelapa puan,
Tidak puan kelapa bali;
Harap-harap kepada tuan,
Tidak tuan siapa lagi?
2. Asap api di Tanjung Tuan,
Tampak dari Kuala Linggi;
Harap hati kepada tuan,
Tidak tuan siapa lagi?

KE ARAH PEMBAKUAN BAHASA MELAYU: "PENGALAMAN MALAYSIA"*

Dr. Nik Safiah Hj. Ab. Karim
Malaysia

"Demikianlah, kita merancang bahasa secara sedar semata-mata untuk menyediakan tapak yang kukuh bagi berlangsungnya satu transformasi kebudayaan yang bersendikan ilmu dan pemikiran. Dalam hal ini, bahasa itu hendaklah kita lihat sebagai alat dan wahana asas bagi pemikiran dan ilmu. Dengan sendirinya proses pembakuan bahasa adalah satu agenda penting dalam pembinaan tamadun bangsa dan negara."

Anwar Ibrahim, "Kata Pengantar"
Dalam Asraf (ed.) Bahasa Melayu
Baku - Asas Pembinaan Tamadun,
Persatuan Linguistik Malaysia, 1989.

*Kertas kerja ini pernah dibentangkan di Pertemuan Guru-guru Nusantara Ke-5, anjuran Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, 24 - 25 November, 1989.

1. Pendahuluan: Pembakuan Bahasa

Sejak bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia pada tahun 1957, usaha-usaha pembakuan bahasa telah dimulakan. Ini dilakukan sebagai sebahagian daripada proses perancangan bahasa.

Berbagai-bagai pendekatan telah dibuat oleh ahli-ahli bahasa untuk memperkatakan proses perancangan bahasa, misalnya Haugan (1972), Neustupny (1974), Tauli (1974), Jernudd dan Das Gupta (1971) dan Heinz Kloss (1969). Mengambil pendekatan Kloss dimensi-dimensi yang dilihat adalah dari segi korpus bahasa yang ada dan dari segi taraf bahasa. Perancangan bahasa yang melihat dari sudut korpus disebut **perancangan korpus bahasa** (*language corpus planning*) dan perancangan yang melihat dari sudut taraf bahasa disebut **perancangan taraf bahasa** (*language status planning*).

Perancangan taraf bahasa berkait rapat dengan keadaan bahasa sesuatu masyarakat. Oleh sebab terdapat berbagai-bagai situasi kebahasaan dalam masyarakat di dunia ini, timbul beberapa persoalan bahasa, misalnya:

- (i) bahasa dan identiti kebangsaan
- (ii) fungsi bahasa sebagai alat penyatuan
- (iii) kesetiaan bahasa
- (iv) bahasa dan kedudukan status
- (v) bahasa untuk perhubungan dengan dunia luar

Perancangan korpus bahasa pula bermaksud usaha-usaha pembinaan bahasa (*language development*). Dalam usaha ini terdapat dua aspek utama, iaitu pengkodan (*codification*) dan peluasan (*elaboration*).

Pengekodan bahasa bermaksud proses memilih kod bahasa yang dapat diterima sebagai norma dalam penggunaan bahasa. Istilah-istilah lain yang digunakan untuk proses ini ialah **penyeragaman** (atau standardisasi) dan **pembakuan**.

Peluasan bahasa ialah proses yang menuju ke arah menjadikan bahasa atau variasi bahasa berkeupayaan memenuhi keperluan-keperluan masyarakat penuturnya dalam segala bidang kehidupan. Dalam konteks abad ke-20 ini, peluasan bahasa terutamanya berlaku untuk memenuhi keperluan-keperluan bidang sains dan teknologi.

Jelaslah bahawa pembakuan bahasa merupakan sebahagian daripada proses pengkodan bahasa. Jika diteliti dengan lebih mendalam, pembakuan bahasa meliputi aspek-aspek yang berikut:

- (i) tulisan
- (ii) ejaan
- (iii) tatabahasa
- (iv) perbendaharaan kata
- (v) sebutan

Pengkodan bahasa penting oleh sebab bahasa berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan fikiran dan perasaan orang yang menggunakan bahasa itu. Agar perhubungan itu berkesan dan difahami sepenuhnya, unsur-unsur bahasa yang digunakan hendaklah bersifat sepenuhnya, unsur-unsur bahasa yang digunakan hendaklah bersifat seragam mungkin, untuk mengelakkan salah faham. Mengikut Panya Sloka Ray (1963) sesuatu bahasa baku hendaklah mempunyai tiga sifat yang berikut:

- (i) kecekapan
- (ii) kerasionalan
- (iii) keseragaman

Dengan **kecekapan** (*efficiency*) dimaksudkan sifat penggunaan bahasa yang luas, yang dengan senang dapat disesuaikan kepada keadaan yang berbeza-beza dalam kehidupan pengguna-penggunanya. Kecekapan bahasa berlaku pada berbagai-bagai tahap, misalnya kecekapan pada sistem tulisan, kecekapan pada sistem ejaan, tatabahasa, peristilahan dan sebutan.

Kerasionalan (*rationality*) bahasa bermaksud kesesuaian penggunaan bahasa dalam konteks zaman dan tempat, iaitu dari segi kesesuaian dengan latar belakang masyarakat dan keperluan semasa.

Keseragaman (*standardization*) bahasa pula bermaksud kesepakatan terhadap ciri-ciri bahasa dalam penggunaannya. Keseragaman dilihat pada setiap kod atau tahap penggunaan bahasa, iaitu ejaan, tatabahasa, perbendaharaan kata dan penyebutan. aspek-aspek keformalan situasi penggunaan dan ciri geografis juga diambil kira, iaitu sama ada penggunaan baku berlaku dalam situasi formal atau tidak formal dan pada tahap kedaerahan atau sebaliknya.

Kesimpulan, pembakuan bahasa ialah satu tahap yang wajib dilalui oleh mana-mana bahasa dalam proses pembinaannya. Lazimnya proses pembakuan, seperti juga tahap-tahap lain dalam pembinaan bahasa, berlaku sebagai satu proses natural, dan mengambil masa yang lama. Tetapi, bagi kebanyakan negara Dunia Ketiga, yang memasuki dunia abad ke-20 secara mengejut, iaitu setelah memperoleh kemerdekaan, proses pembinaan bahasa berlaku dengan bantuan manusia, iaitu melalui perancangan bahasa. Apabila ini berlaku, beberapa perubahan bahasa diarahkan, ditentukan dan disalurkan untuk penyebaran dan penggunaan. Dengan kata lain, berlakulah "gangguan" terhadap perkembangan bahasa yang biasanya berlaku sebagai proses natural.

Soal baik buruk dan wajar tidaknya langkah ini diambil terpaksa diketepikan demi kemajuan masyarakat-masyarakat yang berkenaan dalam menghadapi abad ke-20 dan kemajuan yang dibawa oleh sains dan teknologi. Jika bahasa tidak dirancang untuk memikul tugas-tugas baharu, hanya dua langkah yang dapat diambil

- (a) kekal dengan bentuk bahasa yang lama dan dengan demikian ditinggalkan oleh masyarakat-masyarakat lain di dunia ini,
- (b) menyetepikan bahasa kebangsaan dan sebaliknya memilih sebuah bahasa luar, bahasa antarabangsa, sebagai bahasa untuk berhubung dan bahasa saluran ilmu pengetahuan.

Kebanyakan negara baharu memilih langkah ketiga, iaitu membina bahasa kebangsaan sendiri melalui perancangan bahasa. Demikian jugalah Malaysia.

2. Perancangan Bahasa di Malaysia

Pada amnya, perancangan bahasa di Malaysia dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Ditubuhkan untuk memenuhi impian perjuangan orang-orang Melayu pada 22 Jun 1956 sebagai sebuah jabatan di Kementerian Pelajaran, DBP kemudiannya ditingkatkan menjadi sebuah badan berkanun melalui Ordinan DBP yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1959. Matlamat DBP sebagaimana termaktub dalam Ordinan tersebut (dengan pindaannya dalam tahun 1972) adalah seperti yang berikut:

- (i) memajukan dan memperkaya bahasa kebangsaan.
- (ii) memajukan bakat kesusasteraan terutama dalam bahasa kebangsaan.
- (iii) mencetak, menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku, risalah-risalah dan bentuk-bentuk persuratan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain.
- (iv) menyamakan ejaan dan bunyi sebutan serta menggubal istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.

Setelah melebihi usia 30 tahun, DBP telah berkembang pesat, dengan tumpuan kepada tiga kegiatan utama, iaitu:

- (i) membina dan mengembangkan bahasa Melayu
- (ii) membina dan mengembangkan kesusasteraan Melayu
- (iii) melaksanakan program penerbitan buku-buku ilmu pengetahuan serta bahan-bahan bacaan lain.

Mengikut Haji Jumaat Dato' Haji Mohd. Noor (1989), Ketua Pengarah DBP, dalam tiga dekad yang lalu Dewan Bahasa dan Pustaka telah berhasil membina korpus bahasa berkaitan dengan ejaan, kamus, tatabahasa sebutan dan istilah.

Di samping DBP pihak-pihak lain juga turut memberikan sumbangan terhadap perancangan bahasa. Dalam tahun-tahun lima puluhan, usaha pejuang-pejuang bahasa disalurkan menerusi badan-badan bahasa seperti Asas 50 dan lain-lain, dan menerusi tiga Kongres Bahasa dan Pesuratan Melayu, terutama Kongres yang ketiga, yang telah menumpukan perhatian kepada persoalan-persoalan di sekitar sistem ejaan. Ini diikuti oleh pertubuhan-pertubuhan lain seperti GAPENA dan Persatuan Linguistik Malaysia dengan berbagai-bagai kegiatan kebahasaan. Sebahagian daripada kegiatan ini mendapat sokongan daripada beberapa agensi dari sektor swasta seperti Public Bank, Syarikat Esso, Bank Bumiputera dan akhbar-akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian.

3. Pembakuan Bahasa Melayu

Proses pembakuan bahasa Melayu telah lama bermula. Sejak bahasa itu menjadi *lingua franca* di daerah Kepulauan Melayu, bentuk bakunya telah wujud. Bahasa Melayu tidak dapat mencapai kejayaan sebagai bahasa istana, bahasa perdagangan dan bahasa yang menyebarkan ajaran-ajaran agama Islam pada zaman dahulu sekiranya tidak wujud unsur-unsur kebakuannya. Sudah ada peraturan-peraturan tatabahasa yang diterima umum; sudah ada sistem tulisan dan ejaan yang diamalkan bersama oleh penggunanya, sudah ada sistem sebutan dan perbendaharaan kata yang stabil dan luas tersebar. Ini terbukti melalui buku-buku yang dihasilkan pada masa dahulu.

Tetapi bahasa itu bersifat dinamik, iaitu sentiasa berkembang dan berubah. Oleh itu proses pembakuan juga turut berubah. Sebagai contoh ialah **sistem tulisan**. Sebelum kedatangan Islam, bahasa Melayu ditulis dengan menggunakan sistem tulisan yang dibawa dari India. Kedatangan Islam memperkenalkan sistem tulisan jawi, dan sistem tulisan rumi diperkenalkan oleh orang-orang Barat. Dalam abad ke-20 bahasa Melayu mempunyai dan menggunakan dua sistem tulisan yang berlainan, iaitu tulisan jawi dan tulisan rumi. Pembakuan pada tahap sistem tulisan berlaku dalam tahun 1957, apabila termaktub dalam para 152 Perlembagaan Malaysia bahawa sistem tulisan rasmi negara ialah tulisan rumi. Walaupun tulisan jawi tidak diabaikan dan masih digunakan di beberapa buah negeri, hanya tulisan rumi digunakan dalam situasi-situasi rasmi.

Dalam sistem ejaan rumi pula, telah wujud beberapa cara dan peraturan, seperti ejaan Wilkinson dan ejaan Za'ba. Di Indonesia terdapat sistem-sistem lain lagi yang berasaskan sistem ejaan bahasa Belanda. Pembakuan terakhir terhadap sistem ejaan rumi berlaku pada tahun 1972 apabila sistem ejaan baharu dimulakan penggunaannya. Pada masa yang sama, pembakuan pada peringkat dunia Melayu juga tercapai apabila Indonesia bersetuju menggunakan sistem ini yang disebut oleh mereka sebagai sistem ejaan yang disempurnakan.¹ Demikian juga dengan rakan-rakan lain dalam Asean. Brunei Darussalam telah bersetuju untuk menggunakan sistem ejaan ini; demikian juga Singapura. Sistem tulisan jawi juga turut mengalami pembakuan. Usaha yang terakhir selepas Za'ba (1938) berlaku dalam tahun-tahun lapan puluhan. Antara buku-buku panduan tentang ejaan yang telah terbit ialah *Pedoman Umum Ejaan Rumi* (1975), *Daftar Ejaan Rumi* (1981 edisi pertama), *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (1986) dan *Daftar Ejaan Jawi-Rumi* (1986 edisi pertama).

Sistem tatabahasa bahasa Melayu juga telah mengalami pembakuan dan boleh dikatakan telah mantap. Ini tercapai melalui penghasilan buku-buku yang ditulis tentang peraturan-peraturan tatabahasa. Antara buku yang terkenal ialah **Pelita Bahasa Melayu** karangan Za'ba yang dihasilkan dalam tahun-tahun tiga puluhan. Sejak itu beberapa buku lain telah diusahakan oleh generasi muda, dengan pendekatan-pendekatan baharu selaras dengan perkembangan ilmu bahasa. DBP sendiri telah menerbitkan beberapa buah buku tatabahasa; yang terakhir ialah **Tatabahasa Dewan** Jilid 1 dan 2. Sektor swasta juga turut menyumbang dalam bidang ini. Buku-buku tatabahasa ini penting kerana digunakan sebagai sumber rujukan dan panduan untuk menghasilkan buku-buku teks dan untuk pengajaran bahasa.

Pembakuan bahasa Melayu pada tahap **perbendaharaan kata** bertujuan untuk menghasilkan situasi penggunaan kata-kata yang maknanya difahami bersama dan bentuknya diterima umum. Bagi bahasa Melayu moden, pembakuan perbendaharaan kata bukan sahaja dilihat dari sudut melampaui batas-batas kedaerahan tetapi juga dalam proses penggubalan istilah. Bahkan di DBP aspek peristilahan mendapat perhatian utama,

1. Sistem ejaan yang baharu ini merupakan hasil usaha sebuah jawatankuasa yang dianggotai bersama oleh wakil-wakil dari Malaysia (diketuai oleh Allahyarham Syed Nasir tsmail) dan Indonesia (diketuai oleh S.W. Rudjiati), dibentuk pada tahun 1965.

selaras dengan cita-cita negara untuk menjadikan bahasa Melayu bahasa ilmu pengetahuan moden. "Daripada pembentukan dua buah jawatankuasa istilah pada tahun 1959, ia berkembang menjadi 24 buah jawatankuasa untuk 24 bidang dalam tahun 1966, iaitu 10 tahun selepas DBP ditubuhkan, dengan melibatkan 26 orang sarjana dan profesional dalam bidang masing-masing. Hari ini DBP telah menghasilkan 560,836 istilah dalam 300 bidang/subbidang dengan menggunakan kira-kira 1,479 orang pakar setempat." (Haji Jumaat Dato' Hj. Mohd. Noor 1989). Seperti juga dengan ejaan rumi, terdapat kerjasama yang erat antara rakan-rakan serantau, iaitu melalui Majlis Bahasa Malaysia Indonesia (MBIM) yang ditubuhkan pada tahun 1972 dan dianggotai pada masa itu oleh wakil-wakil dari Indonesia dan Malaysia, yang kini disebut sebagai Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) dengan penyertaan Brunei Darussalam sebagai ahli yang ketiga dan Singapura sebagai pemerhati. Antara buku-buku panduan yang telah diterbitkan ialah puluhan daftar istilah dalam bidang-bidang yang telah tergubal istilahnya. Yang lebih umum sifatnya ialah *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* (1975).

Satu lagi usaha pembakuan bahasa yang berkaitan dengan bidang perbendaharaan kata adalah dalam bidang perkamusan. Berbagai-bagai jenis kamus, untuk memenuhi berbagai-bagai keperluan masyarakat telah dihasilkan, misalnya kamus-kamus ekabahasa, dwibahasa dan tribahasa, kamus sinonim dan antonim, kamus untuk orang dewasa, para pelajar, dan juga untuk golongan tertentu seperti kamus KBSR dan KBSM, dan kamus istilah dan glosari. DBP sendiri memulakan usaha ini dengan *Kamus Dewan* (1970) yang kini telah dicetak kembali sebagai cetakan pertama edisi baharu (1989). DBP juga telah menerbitkan *Kamus Pelajar* (1975; dengan edisi baharunya pada tahun 1988), *Kamus Dwibahasa* (1979), dan sedang merancang kamus dwibahasa yang lebih besar (akan terbit 1990) dan *Kamus Umum Dewan* (1998).

Dapat dirumuskan bahawa pembakuan bahasa Melayu telah berjalan dengan agak rancaknya pada tahap-tahap sistem tulisan, ejaan, tatabahasa dan perbendaharaan kata. Tahap yang terakhir, yang mula dilaksanakan dua tiga tahun kebelakangan ini ialah pembakuan sebutan. Oleh sebab perhatian yang agak banyak telah diberikan oleh masyarakat Malaysia kepada persoalan ini, kertas ini akan membuat huraian ringkas mengenainya.

4. Pembakuan Sebutan Bahasa Melayu

Soal penyeragaman atau pembakuan sebutan bahasa Melayu bukanlah perkara baharu. Ahli-ahli bahasa telah memperkatakan hal ini sejak tahun lima dan enam puluhan lagi; sila lihat tulisan Abdullah Hassan (1987), Asmah Haji Omar (1979, 1985), Raja Mukhtaruddin Raja Dain (19) dan Haji Hassan Ahmad (1988).

Tetapi perkara ini mendapat perhatian apabila ditimbulkan kembali oleh Persatuan Linguistik Malaysia, dan YB Menteri Pendidikan Malaysia, Sdr Anwar Ibrahim, telah mengambil langkah tegas untuk melaksanakannya di sekolah, iaitu melalui mata pelajaran *Bahasa Malaysia* pada tahun mula terlaksananya kurikulum Bersepadu Sekolah menengah atau KBSM (1988). Dengan ini sebutan baku mula diperkenalkan dalam kelas-kelas Bahasa Malaysia. Kemudian, melalui surat pekeliling daripada Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, arahan dikeluarkan supaya sebutan baku diperkenalkan juga "dalam pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat persekolahan," iaitu bermula pada penggal dua tahun 1988.

Agak menarik ialah cara-cara yang diambil untuk melaksanakan matlamat ini. Dua langkah utama telah disusun. Pertama ialah dengan mengadakan kursus pendedahan kepada para guru dan peringkat daerah, negeri dan pusat, terutama bagi mereka yang secara langsung terlibat dengan pelaksanaan KBSM. Dalam hal ini ketua panitia/kakitangan sumber juga dikehendaki mengadakan kursus-kursus yang sama. Pada pihak yang lain pula ialah pendedahan dan pengukuhan para guru dan pelajar akan sebutan baku ini. Antara langkah-langkah yang dicadangkan termasuklah penggunaan sebutan baku pada:

- (a) perhimpunan/rapat umum sekolah
- (b) semua jenis mesyuarat
- (c) gerak kerja kokurikulum
- (d) semua jenis arahan melalui sistem P.A.
- (e) semua pertandingan berbentuk lisan.

Dengan sebutan baku dimaksudkan sebutan bahasa Melayu yang seragam, yang menjadi norma penggunaan bahasa Melayu dalam situasi-situasi rasmi. Antara contoh situasi rasmi ialah sewaktu memberi ucapan, dalam bilik darjah atau kuliah, dalam mesyuarat atau persidangan rasmi, berdebat di Parlimen dan sewaktu menyampaikan berita melalui media elektronik. Di luar situasi-situasi rasmi, cara sebutan lain boleh digunakan.

4.1 Unsur-unsur utama dalam Pembakuan Sebutan

Matlamat utama pembakuan sebutan bahasa Melayu adalah untuk menyeragamkan sebutan. Hal ini dilihat dari dua segi:

- (a) Perkataan-perkataan pinjaman.
- (b) Perkataan-perkataan asli.

Oleh sebab pendedahan yang amat banyak terhadap bahasa Inggeris, kecenderungan yang nyata adalah untuk mengekalkan sebutan sebagaimana terdapat dalam bahasa tersebut. Ini menimbulkan ketidakseragaman oleh sebab dalam bahasa Inggeris hubungan antara huruf dengan sebutan tidak begitu sistematics. Contohnya: *can* dan *cent*; *can* dan *can't*, *good* dan *gentle*, *put* dan *but*, *of*, *off* dan *rough* dan *index* dan *identity*. Maka timbullah masalah pelaksanaan sebutan perkataan-perkataan seperti **teknologi**, **industri**, **institut**, **agenda**, **atom**, **karbohidrat**, **fokus** dan **unit**. Mengikut sebutan baku, perkataan-perkataan ini hendaklah disebut berdasarkan prinsip satu huruf melambangkan satu bunyi.

Demikian juga dengan perkataan-perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab. Kecuali perkataan-perkataan yang berkaitan dengan aqidah, (misalnya *fardu*, *nas*, *qiblat*, dan *tawaf*), perkataan-perkataan yang sudah menjadi kata umum dilafazkan sesuai dengan sebutan kata-kata jati bahasa Melayu. Contohnya: **alam**, **bahas**, **bala**, **hakim**, **kubur**, **sah** dan **zalim**. Bagi perkataan-perkataan yang berkait dengan aqidah, ejaannya dibuat mengikut peraturan ejaan transliterasi bahasa Arab kepada tulisan rumi. tentang sebutan perkataan Melayu asli, dua aspek diberi tekanan. Pertama ialah huruf *r*, yang dicadangkan dibunyikan dengan agak jelas dalam semua kedudukan, misalnya **raja**, **erti** dan **ajar**. Ini untuk mengurangkan

kekeliruan di kalangan para pelajar bila berhadapan dengan kata-kata seperti **ajar** dan **ajaran**.

Kedua ialah sebutan huruf **a**. Juga dicadangkan supaya **a** dibunyikan sebagai [a] dalam semua kedudukan, seperti dalam perkataan, **api**, **melati** dan **apa**. Pada masa ini terdapat ketidakseragaman dalam pelaksanaan bunyi huruf **a** dalam **apa**, iaitu antara /a/, /ɔ/, /a/, dan /ɛ/. Walaupun loghat Riau-Johor menyebutkan huruf ini sebagai / /, namun terdapat sejumlah besar perkataan yang mempertahankan bunyi **a**, misalnya: **astaka**, **bola**, **anda**, **akta**, **nona**, **firma**, **nyonya**, **wanita**, **beca**, **dalca**, **fana**, **takwa**, **drama**, **merdeka**, **karya** dan **pesta**.

Panduan lengkap tentang sebutan baku bahasa Melayu terdapat dalam *Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu (1988)*, terbitan DBP. Di samping itu DBP, dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan telah juga menerbitkan *Panduan Sebutan Baku Bahasa Melayu (1989)*.

Penerimaan masyarakat Malaysia pada masa ini terhadap pelaksanaan sebutan baku agak berbelah bagi. Sistem persekolahan diwajibkan menggunakan sebutan baku, tetapi para guru masih belum melaksanakan sepenuhnya. Di kalangan pelajar hal ini tidak menimbulkan masalah; bahkan pelajar-pelajar bukan Melayu menganggap sistem ini amat bermanfaat dan mencepatkan pembelajaran.

Masyarakat umum agak *confused*. Ada yang menerima; ada yang menolak. Antara yang menolak disebabkan oleh salah faham, iaitu:

- (a) tidak memahami maksud "baku".
- (b) takut penggunaan sebutan baku kelak akan mematikan loghat/dialek-dialek daerah.
- (c) sebutan baku menghilangkan identiti Melayu, oleh sebab terlalu mirip kepada bahasa Indonesia.
- (d) akan rosak aqidah orang-orang Islam.

Yang sebenarnya, kebanyakannya menolak oleh sebab sebutan baku merupakan suatu unsur pembaharuan, dan pada dasarnya manusia menolak pembaharuan. Ini disokong pula oleh telatah media elektronik yang tidak sepakat. TV3, saluran swasta, telah melaksanakan sebutan baku sejak awal 1988. RTM, sebaliknya, walaupun stesen kerajaan, masih ragu-ragu lagi.

Namun begitu, pada keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa pelaksanaan sebutan baku bahasa Malaysia sudah mula diterima. Mengikut Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, sebutan baku di sekolah akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1992 (*Straits Times* 4 Oktober 1989).

5. Pembakuan Bahasa Melayu: Menjangkau Abad ke-21

Dilihat dalam perspektif yang luas, usaha-usaha pembakuan bahasa, terutama pada peringkat pembakuan sebutan, merupakan usaha berterusan, selaras dengan usaha perancangan bahasa secara menyeluruh. Matlamat akhir adalah untuk melengkapkan bahasa Melayu supaya dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan cekap dan berkesan. Dalam konteksnya sebagai bahasa kebangsaan negara, bahasa Melayu mempunyai empat fungsi utama, iaitu:

- (a) **Sebagai bahasa kebangsaan**, bahasa yang melambangkan ke-aulatan negara. Hakikat ini termaktub dalam para 152, Perlembagaan Malaysia. Negara yang merdeka sewajarnya mempunyai bahasa kebangsaan sendiri.
- (b) **Sebagai bahasa perpaduan**, iaitu asas yang digunakan untuk menyatukan rakyat yang berbilang kaum. Tugas ini diharap dapat dilaksanakan melalui Dasar Pendidikan Negara. Dasar ini berasaskan dua dokumen penting, iaitu Penyata Razak, 1956 dan Laporan Rahman Talib, 1960. Antara aspek yang ditekankan dalam Dasar pendidikan Negara ialah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dan institusi-institusi pengajian kerajaan yang lain. Melalui penggunaan satu bahasa yang sama diharap akan lahir masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

- (c) sebagai bahasa pentadbiran negara dan alat perhubungan rakyat jelata. Dalam konteks ini, bahasa digunakan dalam jentera pentadbiran, dalam media massa dan sebagai alat perhubungan antara warganegara.
- (d) Sebagai bahasa ilmu pengetahuan, yang digunakan di institusi-institusi pendidikan. Bahasa Melayu berfungsi sebagai saluran untuk menyampaikan ilmu dan sekaligus menjadi asas pembinaan tamadun yang tinggi. Melalui fungsi ini bahasa Melayu berdiri sama tinggi dengan bahasa-bahasa moden di negara maju yang lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Jerman, dan lain-lain.

Dalam usaha untuk mencapai keempat-empat matlamat di atas, perlu ditekankan juga tiga aspek penggunaan bahasa, iaitu:

- (i) penggunaan bahasa yang baik, mudah dan praktikal sebagai alat perhubungan sehari-hari antara manusia. Bahasa hendaklah dianggap sebagai alat yang membantu dan melicinkan perhubungan, bukan sebagai penghalang. Dengan bahasa yang baik dimaksudkan bahasa yang betul, yang digunakan tanpa melanggar segala peraturannya, sama ada dari segi ejaan, sebutan, penggunaan imbuhan, susunan ayat atau pilihan kata.
- (ii) penggunaan bahasa yang berkesan sebagai alat untuk menyampaikan maksud dan pengantar maklumat serta ilmu pengetahuan. Bahasa ilmu memerlukan pengungkapan yang tepat, cekap dan sempurna. Bahasa yang berkesan bererti bahasa yang tepat, jelas dan mampu menyampaikan maksudnya. Dalam konteks fungsinya sebagai bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi, bahasa yang berkesan ialah bahasa yang berjaya menghuraikan selok-belok ilmu yang tinggi dan canggih. Keadaan ini dicapai melalui penggunaan istilah dan ungkapan yang menerangkan berbagai-bagai konsep dan gagasan yang ilmiah serta dalam pengertiannya.
- (iii) penggunaan bahasa yang indah sebagai alat pengucapan seni dan penampung nilai estetik yang tinggi. Demi kedaulatan bahasa

Melayu dan demi kejayaannya sebagai bahasa kebangsaan moden, aspek ini telah diberi tekanan.

Hal ini amat disedari oleh para pemimpin dan pejuang bahasa., Sewaktu melancarkan Gerakan Cintailah Bahasa Kita (1987) Dr Mahathir Mohamed telah menyatakan:

"Walaupun proses perkembangan bahasa kebangsaan akan berterusan, ia tidak bermakna kita tidak perlu memupuk perkembangannya. Jika kita alpa dan kita biarkan saja, ada kemungkinan ia akan berhenti dan terus merosot."

Hal demikian juga diakui oleh Tuan Hj. Jumaat, Ketua Pengarah DBP. Mengikut beliau, "Dalam tiga abad yang lalu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah berhasil menyediakan korpus bahasa seperti panduan ejaan, kamus tatabahasa, pegangan dan panduan sebutan, di samping menghasilkan ratusan ribu istilah dalam pelbagai bidang ilmu kegunaan masyarakat. Dengan lengkapnya korpus bahasa tersebut, kita memasuki tahap pengembangan untuk memantapkan bahasa Malaysia menjadi bahasa moden, iaitu bahasa yang berupaya memperkatakan segala aspek kehidupan dengan baik dan indah." (Haji Jumaat bin Dato' Hj Mohd. Noor 1989:18).

Tegasnya, usaha sekarang dalam perjuangan bahasa Melayu adalah untuk mewujudkan satu bentuk bahasa yang sempurna dan sesuai dengan cabaran-cabaran baharu. Dan kesempurnaan bahasa membawa erti pembakuan bahasa. Gagasan bahasa baku ini bukanlah gejala yang asing dalam proses perkembangan bahasa. Seperti kata Anwar Ibrahim, bahasa baku merupakan sesuatu "yang alamiah dan diperlukan dalam rangka pembinaan tamadun sesuatu bangsa atau umat. (1989:V)." Hal ini dikaitkan dengan pembinaan negara moden, yang sudah semestinya bererti "*pembinaan budaya ilmu, ekonomi, sosial dan seluruh sektor penting kebudayaan.*" Dalam semua hal, alat untuk pembinaan ini ialah bahasa. Oleh itu, di samping perancangan ekonomi, politik, pertahanan, kebudayaan pendidikan dan sebagainya, diusahakan juga dan diberi tekanan kepada perancangan bahasa. Dengan demikian pembinaan negara bersifat lebih bersepadu, iaitu pembangunan yang tidak menitikberatkan aspek fizikal semata-mata, tetapi juga aspek mental dan kebudayaan.

Perlu juga disebutkan bahawa usaha-usaha ke arah pembakuan dan penyempurnaan bahasa Melayu dalam menghadapi abad ke-21 tidak dipikul oleh DBP sahaja. Kerajaan memang sentiasa menyokong, bukan sahaja dalam bentuk sokongan moral tetapi juga melalui peruntukan yang amat lumayan. Juga penting ialah badan-badan sukarela, terutama pertubuhan-pertubuhan bahasa dan sastera seperti GAPENA, Persatuan Linguistik Malaysia, Persatuan Penterjemah Malaysia, dan lain-lain, yang sebenarnya meneruskan usaha-usaha yang dimulakan oleh badan-badan terdahulu seperti Asas 50 dan Persatuan Guru-guru Melayu. Yang lebih menarik ialah kemunculan beberapa pihak lain yang ikut serta dalam perjuangan bahasa dan sastera, suatu gejala yang membanggakan dan memberi harapan. Ini ialah penyertaan sektor swasta dan badan-badan profesional yang bukan bersifat badan budaya.

Sejak tahun 60-an, misalnya, sektor swasta telah tampil ke hadapan dengan sumbangan kewangan sebagai suatu usaha galakan, melalui peraduan-peraduan (mengarang novel, cerpen, drama, dan sebagainya). Kini jumlah sumbangan kewangan boleh dikatakan besar, dan antara penyumbang utama ialah Public Bank, Syarikat Esso, Utusan Melayu, Bank Bumiputera dan Malayan Banking. Akhir-akhir ini badan-badan separa-Kerajaan dan perbadanan-perbadanan juga turut menyertai usaha ini, misalnya Yayasan Negeri dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

Dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu badan-badan yang giat berjuang ialah badan-badan yang bersifat kebudayaan. Kebelakangan ini, selaras dengan usaha kerajaan untuk meluaskan penggunaan bahasa kepada semua sektor, badan-badan profesional lain telah turut sama bergiat. Antara yang agak terkemuka ialah persatuan peguam (khususnya Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia), persatuan perakaunan, persatuan usahawan bumiputera dan persatuan bank dan institusi kewangan. Dalam konteks penggunaan bahasa Melayu sebagai dalam kehidupan moden, dan dalam konteks pembinaannya, gejala ini melambangkan masa depan yang cerah.

Penutup

Proses pembakuan bahasa Melayu telah lama bermula. Sewaktu

bahasa Melayu menjadi *lingua franca* daerah Kepulauan Melayu dan bahasa pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu lama, sudah wujud bentuk bakunya. Tetapi bentuk sesuatu bahasa mencerminkan budaya dan pemikiran masyarakat penggunanya. Oleh itu, bahasa Melayu moden, agar mencerminkan ilmu dan kebudayaan masa kini (abad ke-20 dan ke-21), hendaklah juga mengalami penyesuaian. Dan untuk lebih sempurna, perubahan yang berlaku mencakupi juga pembakuan, kerana perancangan bahasa menyediakan tapak yang kukuh bagi berlangsungnya satu transformasi kebudayaan yang bersendikan ilmu dan pemikiran. Maka itu proses pembakuan bahasa, mengikut Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia sebagai menjelaskan tindakannya melaksanakan penggunaan bahasa baku di sekolah, dengan tegas "adalah satu agenda penting dalam pembinaan tamadun bangsa dan negara."

**Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.**

Rujukan

- Abdullah Hasa, 1987, *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ibrahim, 1988, "Kata Pengantar" dalam Asraf (ed.) *Bahasa Melayu Baku: Asas Pembinaan Tamadun*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1979, *Language Planning for Unity and Efficiency*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____, 1985, *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 1988, *Bahasa, Sastera, Buku: Cetusan Fikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haugan, E. 1972, *The Ecology of Language*. Stanford University Press.
- Jernudd, B & J. Des Gupta, 1972, "Towards a Theory of Language Planning," dalam Robin & Jernudd (ed.) *PWCAn Language Be Planned?*. Hawaii: The University Press of Hawaii.
- Kloss, Heinz, 1969, "Research Possibilities on Groups Bilingualism: A Report," International Center for Research on Bilingualism, Quebec.
- Jumaat bin Dato' Hj. Mohd. Noor, Haji, 1989, "Daripada PBM/PB Hingga DBP: Renungan Terhadap Sejarah Pembangunan Organisasi Bahasa dan Sastera Melayu," Ucapan Utama di Seminar Seratus Tahun Pergerakan Bahasa-Sastera Melayu atau Malaysia, Johor Bahru, 21 Januari.
- Nik Safiah Karim, 1986 (b) ed. *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia/Nurin Enterprise.
- _____, 1987, "Language Cultivation, the School System and National Development: The Case of Bahasa Malaysia" dalam B.K. Das (ed.), *Language Education in Human Resource Development*. Singapore: SEAMEO Regional Language Centre, Anthology Series 20.

BAHASA INDONESIA DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI*

oleh : Soetrisno, R

PENDAHULUAN

Bahasa Indonesia sebagai bahasa Nasional ditetapkan berdasarkan Undang-Undang Dasar 1945 Fasal 36, sehari setelah Proklamasi Kemerdekaan Republik Indonesia tanggal 17 Agustus 1945.

Di samping sebagai bahasa resmi bahasa Indonesia juga mempunyai peranan sebagai bahasa pemersatu yang dilandasi oleh keputusan Sumpah Pemuda 1928 yang berbunyi : "Kami bangsa Indonesia berbahasa satu - bahasa Indonesia".

Semangat persatuan inilah yang mengangkat dan menempatkan bahasa Indonesia sebagai bahasa Nasional, bahasa formal atau bahasa negara yang berlaku di seluruh wilayah Republik Indonesia. Dengan demikian maka bahasa Indonesia dipergunakan untuk surat-menyurat

*Kertas kerja ini pernah dibentangkan di Pertemuan Guru-guru Nusantara Ke-5, anjuran Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, 24 - 25 November, 1989.

rasmi, bahasa pengantar untuk mengajar di sekolah-sekolah dan pendidikan tinggi serta dipakai untuk menulis buku-buku pada umumnya dan buku-buku ilmiah.

Bahasa Indonesia dipakai juga sebagai Ilmu Pengetahuan; perkataan "Ilmu Pengetahuan" di sini merupakan terjemahan dari "*science*" yang di dalamnya termasuk Ilmu Kimia, Ilmu Alam, Geologi dan Biologi. Akan tetapi pengertian ini menurut pendapat beberapa orang ahli sangat sempit dan terbatas; karena jika istilah ilmu pengetahuan ini terjemahan dari perkataan "*Knowledge*" maka di dalamnya termasuk antara lain Ilmu Sosial, Ilmu Pendidikan, Ilmu Bahasa dan Teknologi.

Lepas dari persoalan tersebut di atas satu hal yang nyata bagi kita ialah pertumbuhan dan perkembangan bahasa umumnya selalu sejajar dengan pertumbuhan dan perkembangan ilmu pengetahuan ataupun sebaliknya. Istilah-istilah baru perlu diciptakan untuk memberikan tanda/kode kepada fikiran-fikiran baru, pendapat-pendapat baru, teori-teori baru dan lain-lainnya. Jelaslah bagi kita bahwa perkembangan ilmu pengetahuan harus sejajar dengan perkembangan bahasa sendiri. Hubungan timbal balik yang ada antara ilmu pengetahuan dan bahasa hubungan yang wajar.

Di negara-negara berkembang pertumbuhan bahasa ilmu pengetahuan tidak mengalami kesulitan meskipun harus mencari istilah-istilah baru. Di Indonesia, masalah ini dapat dipecahkan dengan adanya upaya untuk mengindonesiakan bahasa daerah atau bahasa asing.

CIRI-CIRI BAHASA ILMU PENGETAHUAN

Bahasa ilmu pengetahuan bukanlah merupakan dialek regional akan tetapi merupakan dialek sosial. Sebagai dialek sosial, bahasa ini mempunyai ciri-ciri khusus yang tidak dipunyai oleh dialek sosial yang lain.

Ciri-ciri itu berkisar dalam soal lafaz, perbendaharaan kata, istilah dan sistem gramatikanya. Oleh karena itu bahasa ilmu pengetahuan itu hanya dimengerti oleh seseorang yang memspecialisasikan diri ke dalam bidang ilmu pengetahuan tertentu. Orang yang menekuni bidang ilmu kimia sulit untuk memahami istilah-istilah dalam ilmu filsafat; begitu pula sebaliknya.

Tukang sayur di pasar akan sulit untuk memahami istilah-istilah yang ada dalam ilmu kimia kecuali jika tukang sayur tadi pernah belajar atau pernah bekerja di laboratorium.

Di samping ciri-ciri lahiriah tersebut di atas ada sifat bahasa ilmu pengetahuan yang tidak dimiliki oleh bahasa sastera, bahasa percakapan dan lain-lain adapun sifat itu adalah objektif karena bahasa ilmu pengetahuan harus objektif. Dengan objektif yang kita maksudkan ialah tidak boleh memasukkan unsur-unsur perasaan ke dalam bahasa ilmu pengetahuan. Ia harus menyampaikan ilmu secara wajar sebab fungsi utama bahasa ilmu pengetahuan itu ialah menyampaikan informasi ilmiah kepada orang lain.

Pemakaian gaya bahasa yang berlebih-lebihan di dalam bahasa ilmu pengetahuan harus kita hindari sebab pemakaian gaya bahasa mempunyai sifat subjektif. Lain halnya dengan pemakaian gaya bahasa di dalam bahasa sastera antara lain : novel, roman, drama, puisi dan cerita pendek, umumnya untuk efek estetis atau dengan perkataan lain, untuk memperindah bahasa. Hal ini berbeza di dalam bahasa ilmu pengetahuan.

Pemakaian gaya bahasa di dalam ilmu pengetahuan bukan untuk memperindah bahasa tetapi untuk mempermudah penuturan fikiran.

Di dalam ilmu alam kita sering menjumpai gaya bahasa seperti berikut:

1. Jika kita gosok sebuah kaca dengan kain sutera, kemudian kita hamparkan kepada barang yang ringan, ditariknyalah barang yang ringan-ringan itu.
2. Barang yang bermuatan listrik yang sama macamnya tolak-menolak, yang berlainan macamnya tarik-menarik.
3. Jika letak benda jauh sedikit daripada cermin cekung itu, maka sinar-sinar yang dipancarkan oleh suatu titik, setelah berbalik dari cermin, berkumpullah.
4. Mesin terbang lebih berat daripada udara; naiknya mesin itu sebagai

naiknya layang-layang ke udara, yakni tekanan hawa yang tertekan oleh sayap-sayap mesin itu.

Pemakaian gaya bahasa personifikasi dan gaya bahasa asosiasi di dalam kalimat-kalimat tersebut di atas bukanlah untuk memperindah penuturan akan tetapi untuk mempermudah penuturan. Inilah perbezaan yang menonjol antara bahasa pengetahuan dengan bahasa sastera.

Kata-kata di dalam bahasa sastera memang mempunyai nilai konotatif. Dengan perkataan lain kata-kata bahasa ilmu pengetahuan harus memberikan informasi yang pasti, yang bebas dari sifat samar serta tidak menudua.

Di dalam hal ini, di dalam hubungan nilai denotatif, seorang ahli fizik akan mengatakan bahwa apa yang dinamakan warna itu ialah gelombang cahaya yang dapat dihitung di dalam kesatuan-kesatuan angstrom, di dalam spektrum yang kasat mata, dari hujung merah yang jumlah 3900 sampai ke hujung lembayung yang berjumlah 7600; dan bahwa $1\text{cm} = 10$ angstrom. Huraian atau penuturan ahli fizik ini hanya memberikan informasi. Informasi yang dipenuhi ialah informasi yang tepat, bebas dari sifat sesaat dan tidak menimbulkan keragu-raguan kepada pemakai bahasa.

KATA-KATA DAN ISTILAH

Di dalam pemakaian sehari-hari orang sering mengacaukan pengertian kata dan istilah. Istilah memang kata, tetapi tidak setiap kata merupakan istilah. Hal ini jelas di dalam buku KAMUS UMUM BAHASA INDONESIA yang menghuraikan pengertian kata sebagai berikut :

1. barang yang diucapkan orang; tutur; ucapan;
2. tata bahasa satu kesatuan bunyi yang berdiri sendiri yang menyatakan sesuatu erti; setompok rangkaian huruf yang menyatakan sesuatu erti. Sedang pengertian istilah : "perkataan yang teristimewa mengandung erti yang tertentu dalam lingkungan sesuatu ilmu pengetahuan, pekerjaan atau kesenian".

Demikian perbezaan pengertian **kata** dan **istilah** secara umum, sebab di dalam ilmu bahasa (=linguistik) sendiri pengertian **kata**, masih menjadi bahan diskusi, dan sebab **kata** sebagai kata berbeza dengan **kata** sebagai istilah.

Istilah tidak hanya terdiri satu kata, akan tetapi dapat terdiri dua kata atau lebih, kata sebagai istilah mempunyai ciri-ciri khusus.

Ciri-ciri khusus itu antara lain sebagai berikut :

1. Mempunyai sifat monosematis, iaitu hubungan antara bentuk dan pengertian yang didukungnya ada di dalam satu garis lurus, oleh kerana itu suatu istilah ilmiah tidak mungkin ditafsirkan lain selain daripada pengertian yang telah didukungnya.
2. Pengertian yang didukung oleh istilah itu hanya mungkin digantikan oleh definisi ataupun rumus yang berlaku dalam jenis pengetahuan yang memakainya.
3. Istilah tersebut bebas konteks, maksudnya ialah, pengertian yang didukung oleh suatu istilah tidak terpengaruh oleh konteks kalimat yang memakainya ataupun situasi ujar pemakainya.
4. Pengertian istilah bersifat universal. Hal ini sejalan dengan pengertian yang disepakati oleh ilmu pengetahuan yang memakainya sedangkan bentuknya sesuai materi bahasa yang mendukung pengertian istilah tersebut. Oleh kerana itu ada istilah internasional. Istilah yang bersifat nasional dapat bersifat internasional hanya melalui kesepakatan bersama para ahlinya yang berkecimpung di dalam ilmu pengetahuan yang dianutnya.
5. Rumpun kata yang mungkin bertindak istilah pada umumnya merupakan kata nominal dan rumpun kata verbal sedangkan rumpun kata partikel tidak mungkin bertindak sebagai istilah.

Demikianlah ciri-ciri kata sebagai istilah. Ciri-ciri ini, menurut pendapat saya, dapat kita pertahankan di dalam mengembangkan bahasa Indonesia sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Dan bagaimanakah kita

menciptakan istilah?. Di dalam menciptakan istilah kita dapat menempuh berbagai jalan. Antara lain sebagai berikut :

1. Mengambil **kata** atau **kelompok kata** umum dan kemudian kita beri makna khusus. Misal perkataan **garam**. Perkataan **garam** ini telah diambil oleh ilmu kimia.

Di dalam ilmu kimia perkataan ini mempunyai erti khusus yang berbeza dengan erti umum.

Contoh lain, perkataan **ujar** untuk mengganti istilah *speech*, perkataan **beberan** untuk mengganti istilah *devise*, **alur** untuk mengganti istilah *alliteration*, dan lain-lain.

2. Membuat kombinasi dari kata-kata yang umum. Misal dari kata surat dan keputusan menciptakan istilah-istilah **surat keputusan** (*besluit*). Demikian pembentukan istilah **tabung hampa udara**, **arus bolak-balik**, **narasumber** (*resource person*), dan lain-lain.
3. Membentuk istilah dengan jalan membentuk kata dari kata dasar yang umum. Misal dari perkataan **oksidasi** kita dapat membentuk istilah **pengoksidasian**.
4. Membentuk istilah dengan jalan analogi. Misal, dari istilah **tatawarna**, **tatakerja**, **tatakuliah**, **tataboga**, **tatagriya**, **tatabentuk** dan lain-lain.
5. Menterjemahkan istilah ilmiah dari bahasa asing. Hal ini dapat kita bezakan menjadi dua macam.

a. Menterjemahkan langsung :

stroom = arus;

axis = sumbu;

temperatur = suhu;

skill = kecakapan.

b. Terjemahan pinjaman :

cultural area = daerah budaya;

direct method = kaedah langsung;

misbruik = penyalahgunaan;

overmen = mengambil alih.

6. Memindahkan istilah dari bahasa lain ke dalam bahasa Indonesia. Proses ini dapat kita bezakan menjadi dua iaitu **proses adopsi** (pemindahan utuh) dan **proses adaptasi** (pemindahan tak utuh). Di dalam hal ini perlu kita pertimbangkan dua hal :

a. Mengambil hanya kata dasarnya saja dari bahasa asing sedang bentuk turunannya menurut tatabentuknya bahasa Indonesia. Misal : dari perkataan *plastisch* menjadi **diplastiskan**; **keplastisan**; dari perkataan *fundamental* menjadi **difundamentalkan**; dan lain-lain.

b. Imbauan asing tak mempunyai imbalan dalam bahasa Indonesia, kita pindahkan dengan penyesuaian bersamaan dengan kata dasarnya dan selanjutnya kita pandang sebagai kata dasar. Misal : *validity* - **validita** menjadi **kevaliditan**; *capasiteit* - **kapasita** menjadi **pengkapasitaan**; dan lain-lain.

7. Membentuk istilah dengan singkatan. Singkatan-singkatan dewasa ini merupakan istilah tersendiri, bersifat khusus dan eksklusif. Untuk tidak menambah kebingungan orang membuat istilah dengan singkatan ini lebih baik hindari.

8. Membuat istilah dengan jalan menghidupkan kata-kata lama; iaitu Bahasa Kawi, bahasa Sansekerta, bahasa Arab, dan lain-lain atau kata-kata bahasa daerah.

Demikianlah beberapa cara yang kita tempuh menciptakan istilah. Di samping hal di atas, satu hal yang perlu kita perhatikan ialah soal

keseragaman. Di dalam Seminar Bahasa Indonesia tahun 1972 Andi Hakim Nasution menulis sebagai berikut :

“Di kalangan ahli tanah yang bermukim di sekitar Bogor, *sand* diterjemahkan sebagai **pasir**, *silt* sebagai **debu** dan *clay* sebagai **tanah liat**. *Loam* diterjemahkan sebagai **lempung**, sehingga *silt loam* ialah **lempung berdebu**, di Yogyakarta *Clay* diterjemahkan dengan **lempung**, sedang di Bandung *silt loam* diindonesiakan sebagai **berlanau**”.

Dapat kita bayangkan apa yang akan terjadi kalau ada konperensi ilmu tanah yang akan diselenggarakan di dalam bahasa Indonesia”. Dengan demikian dapat kita tarik kesimpulan bahwa pembinaan kata-kata dan istilah di dalam dunia ilmu pengetahuan tidak dapat begitu saja dibebankan kepada kepada para ahli bahasa, atau kepada jurusan Bahasa Indonesia, di Institut atau Universitas. Setiap karyawan ilmiah harus mampu melaksanakan pembinaan tersebut pada masing-masing ilmu pengetahuan yang dibinanya. Persoalan penggunaan Bahasa Indonesia di dalam suatu bidang pemakaian tertentu, seperti di dalam ilmu pengetahuan, tentu tidak secara mendalam akan diteliti oleh Jurusan Bahasa Indonesia.

BAHASA TEKNOLOGI

Dari uraian-uraian dan penjelasan-penjelasan di muka kiranya dapat difahami bahwa bahasa Indonesia sebagai bahasa ilmu pengetahuan yang di dalamnya termasuk teknologi mempunyai peranan yang sangat menentukan bagi perkembangan teknologi itu sendiri. Kerana baik untuk menyampaikan pelajaran ilmu teknik di sekolah-sekolah maupun perguruan tinggi serta penggunaan istilah-istilah teknologi dipergunakan pengertian-pengertian yang bersifat umum dan mengikat.

Tujuannya sangat sederhana yakni supaya dapat dicapai keseragaman pengertian, kesamaan pola fikir dan kesatuan bahasa sehingga dapat dihindari adanya salah tafsir, salah pengertian yang berakibat tidak dapat dicapainya suatu maksud tertentu. Dengan kata lain peranan bahasa Indonesia dalam kemajuan teknologi bersifat positif, bahasa Indonesia sangat menopang kemajuan teknologi, sebagaimana telah diuraikan terdahulu bahwa bahasa Indonesia berkembang sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan.

Dengan demikian dapat dihindari adanya keragu-raguan di antara para pakar ilmu teknik yang mengatakan bahwa Indonesia menghambat kemajuan teknologi kiranya tidak beralasan dan perlu ditegaskan di sini bahwa bahasa Indonesia tidak menghambat kemajuan teknologi, yang menghambat adalah pemakai bahasa bukan bahasanya.

Bila hal yang demikian ini masih terus terjadi maka sulitlah bagi kita membakukan bahasa Indonesia untuk istilah-istilah teknologi, dalam hal ini perlu adanya kesadaran yang tinggi dari para pemakai bahasa disertai disiplin dalam penggunaannya.

Kita harus yakin penggunaan bahasa apa saja tanpa dilandasi oleh kesadaran dan disiplin yang tinggi untuk akan mencapai tujuannya dan dapat mengakibatkan salah pengertian dan silang pendapat. Dapat dibayangkan apa yang terjadi bila dalam membuat suatu bangunan bertingkat antara perencanaan bangunan (arsitek) menggunakan istilah-istilah teknik yang kurang dimengerti atau berbeza dengan pelaksana-pelaksana teknik di lapangan.

PENUTUP

Demikianlah sedikit huraian tentang bahasa Indonesia dan kemajuan Teknologi dan peranan bahasa Indonesia sebagai bahasa Ilmu Pengetahuan.

Persoalan ini sebetulnya mempunyai aspek yang banyak sekali, dan cukup mendasar serta cukup rumit disertai adanya kemauan yang kuat untuk menempatkan bahasa Indonesia sebagai bahasa Ilmu Pengetahuan dan demi kemajuan teknologi oleh sebab itu memerlukan pendalaman tersendiri dan pendalaman itu menunggu kegiatan para pekerja ilmiah. Para pekerja ilmiah mempunyai tanggungjawab untuk menempatkan bahasa untuk memajukan teknologi dan bukan sebagai penghambat kemajuan teknologi.

Tanggungjawab ini perlu dilandasi dengan kesadaran yang tinggi akan perlunya bahasa ilmu pengetahuan ditempatkan penggunaannya sejajar dengan penggunaan untuk disiplin ilmu-ilmu yang lain. Dengan demikian

pembinaan bahasa ilmu pengetahuan bukanlah hanya tugas para pembina bahasa tetapi juga menjadi tanggungjawab para pembina ilmu pengetahuan.

Jakarta, 30 September 1989

SOETRISNO R.
KETUA PB PGRI

PERSOALAN KATA MAJMUK DALAM BAHASA MELAYU

oleh: H. Kamsiah H. Abdullah

Dalam sukatan pelajaran Baru Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, kata majmuk dimasukkan sebagai salah satu butiran yang patut diajarkan kepada murid-murid sekolah Menengah 3. Dalam hal ini kata majmuk dimasukkan sebagai sebahagian daripada kata bentukan. Dan di antara matlamat pengajaran yang diterakan ialah "mengetahui kaedah pembentukan kata bentukan yang menghasilkan kata turunan dan kata majmuk dan juga dapat menggunakan kata-kata tersebut dengan betul bila membina ayat".

Matlamat ini dirasakan wajar bagi murid-murid di peringkat tersebut memandangkan bahawa mereka bukan sahaja akan dapat mengenali kata majmuk, tetapi juga mengetahui pembentukan kata-kata itu. Hanya kami rasakan bahawa penjelasan umum mengenai kata majmuk itu tidaklah lengkap dan memungkinkan tanggapan atau pemahaman yang salah di pihak guru dan murid. Kata majmuk itu telah dijelaskan sebagai "yang dasarnya terdiri dari dua atau lebih patah kata dasar dan di tulis dengan atau tanpa sempang". Contoh yang diberi saya perturunkan di sini ialah:

"ketidakjujuran, penyalahgunaan, diketepikan, ketidakadilan".

Ternyata di sini bahawa takrif kata majmuk itu adalah terlalu luas, samar-samar dan tidak begitu tepat. Mungkin ini disebabkan oleh kecamuknya keadaan penguraian tatabahasa Melayu pada masa itu sehinggakan satu penjelasan yang sempurna tidak didapati. Tetapi yang menjadi realiti ialah peri 'kecamuknya' fikiran guru-guru dalam menghuraikan persoalan ini: boleh dikatakan bahawa setiap ada peluang, soalan mengenai kata majmuk akan dikemukakan. Rencana ini merupakan satu usaha untuk menjelaskan beberapa ciri penting tentang kata majmuk, berdasarkan penghuraian tokoh-tokoh bahasa seperti Prof. Asmah Hj. Omar, Lutfi Abbas, Arbak Othman, Abdullah Hassan dan Liaw Yock Fang yang mempunyai *access* kepada buku-buku dari Indonesia.

Sebenarnya tanda sempang (-) bukanlah merupakan ciri penting bagi kata majmuk. Fungsi sempang yang lumrah ialah sebagai penanda kata ganda atau kata ulang, sama ada kata ulang penuh, kata-ulang bertingkah atau kata ulang semu. Prof. Asmah (1980) pernah menyarankan penggunaan tanda sempang ini dalam penulisan kata majmuk tertentu di mana pengucapannya akan menyebabkan kekeliruan tanpa di gunakan tanda tersebut. Perkataan yang disarankan ialah, peti-ais, menganak-tirikan, penyalah-tempatan dan lain-lain; tetapi saranan ini belum diterima.

Berkenaan dengan contoh-contoh kata majmuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran pula, didapati semua contoh yang diberi itu ialah kata kompleks atau kata majmuk kompleks. Contoh-contoh kata majmuk jenis selapis tidak ada yang diberi. Ini membesarkan kemungkinan pihak guru menganggap kata kompleks sebagai kata majmuk.

Untuk menghuraikan maksud kata majmuk marilah kita memahami dulu apakah yang dimaksudkan dengan perkataan 'kata' dan 'majmuk'. Dalam istilah linguistik 'kata' ialah unit nahu yang terkecil yang mempunyai makna dan boleh berdiri dengan sendiri. 'Kata' boleh terdiri dari sekurang-kurangnya satu morfem bebas atau kadangkala dua morfem terikat, tetapi kata tidak boleh terdiri daripada satu morfem terikat saja. Dua daripada proses morfologi yang boleh dilalui oleh kekata dalam Bahasa Melayu ialah pengimbuhan dan penggandaan. Kata majmuk

sebagai suatu 'kata' mestilah berpotensi diimbuh ataupun diulang seperti juga halnya dengan lain-lain kekata. Perkara ini akan dihuraikan kemudian.

Perkataan 'majmuk' pula membawa erti "sesuatu perkataan yang terdiri dari beberapa bahagian, tetapi bahagian-bahagian terangkum sebagai suatu satuan". Oleh itu kata majmuk dari pengertian asas ini mestilah terdiri dari sekurang-kurangnya dua kata yang bertindak sebagai satu satuan atau sebagai satu unit dalam ayat atau klausa-klausa tertentu.

Setelah meneliti definisi 'kata' dan 'majmuk' itu, dengan sendirinya kekata yang terdiri dari satu morfem bebas dan satu morfem terikat seperti halnya dengan kata kompleks tidak memenuhi syarat boleh dianggap sebagai 'minima majmuk dan kata majmuk'. Sehubungan dengan ini hal yang bakal menimbulkan kekeliruan ialah kata kompleks dan kata ganda. Kata-kata yang terdiri dari imbuhan asing dengan morfem bebas seperti:

prauniversiti	inframerah
seniwati	mahasiswa
ekabahasa	mikrofilem
antikerajaan	prokomunis

Kata-kata tersebut ialah kata kompleks kerana "pra, infra, wati, maha, anti, pro" ialah morfem terikat yang dipinjam dari bahasa asing. Ia bukan kata majmuk.

Kata ganda iaitu kata ganda bertingkah/berima dan kata ulang semu juga bukanlah kata majmuk. Kata ganda seperti:

gunung-ganang	bukit-bukau
gopoh-gapah	asal-usul
lalu-lalang	lintang-pukang
serta-merta	selok-belok

hanya terdiri dari satu morfem bebas saja. Bentuk "ganang, bukau, lalang, gapah, merta dan usul" adalah morfem terikat dan oleh itu ganda demikian tidak memenuhi syarat "majmuk" atau "lebih dari satu" seperti yang sepatutnya wujud dalam kata majmuk.

Setelah menolak kata kompleks dan kata ganda berima sebagai bukan kata majmuk hanya dari segi pentafsiran makna "kata" itu saja kita perlu menilik pula tentang gabungan kata "yang bertindak sebagai satu satuan" dalam ayat-ayat tertentu"... Dalam ciri sintaksis ini didapati bahawa sebilangan frasa atau rangkai kata, ungkapan dan parataksis sama-sama memperlihatkan ciri-ciri satu satuan dalam unit sintaksis. Jelasnya tidak ada ciri-ciri tertentu yang dapat membezakan antara ketiga-tiganya dengan kata majmuk seperti halnya dengan bahasa Inggeris, di mana intonasi tekanan suara (stress) boleh membezakan antara frasa dan kata majmuk (bezakan antara *a black bird* - frasa dan *blackbird* - kata majmuk).

Ciri sedemikian memungkinan berbagai gabungan kata seperti frasa, ungkapan dan parataksis (kata bersusun) dikategorikan sebagai kata majmuk kerana dalam bahasa Melayu ketiga-tiga gabungan kata tadi bertindak atau berkemungkinan bertindak sebagai satu satuan dalam ayat-ayat tertentu.

Contohnya:

Dari Frasa:

Ali telah membeli sepasang **kasut getah**.

Berbagai jenis makanan dijual di **kedai makan** itu.

Jangan dibiarkan budak itu masuk ke **bilik mandi**.

Dari Ungkapan:

Pemuda yang berbaju belang itu berjalan di **kaki lima**.

Sebagai seorang **anak tiri**, Hasan mestilah pandai mengambil hati ibunya.

Semua **kakitangan** pemerintah mendapat gaji tambahan.

Dari Parataksis:

Janganlah melanggar pantang-larang **datuk** nenek kita.

Dia membeli **pinggan mangkuk** yang baru untuk menjamu tetamu khasnya.

Ibu bapa hendaklah sentiasa menggalakkan anak-anak supaya rajin belajar.

Bagaimana eratnya unit-unit kata gabungan kesatuan di atas dapat diperlihatkan dengan jelas apabila gabungan kata tersebut cuba disisipkan dengan kata tugas "yang". Kita tidak mungkin mendapat bentuk-bentuk ini:

kasut yang getah	anak yang tiri
kaki yang tangan	datuk yang nenek
pinggan yang mangkuk	ibu yang bapa
kedai yang makan	bilik yang mandi

Ikatan yang rapat antara gabungan kata di atas lebih jelas lagi apabila kata-kata tersebut diluaskan dalam frasa-frasa seperti ini:

kasut getah yang mahal

kakitangan yang rajin

anak tiri yang baik

kedai makan yang laris

pinggan mangkuk yang baru

ibu bapa Islam

Dalam frasa-frasa:

1. kasut getah yang mahal - (yang mahal menerangkan kasut getah, bukan kasut atau getah saja)
2. anak tiri yang baik - (yang baik menerangkan anak tiri bukan anak atau tiri saja)
3. kedai makan yang laris - (yang laris menerangkan kedai makan bukan kedai atau makan saja)
4. pinggan mangkuk baru - (baru menerangkan tentang pinggan mangkuk bukan pinggan atau mangkuk saja)
5. ibu bapa Islam - (Islam menerangkan ibu bapa bukan ibu atau bapa saja).

Gabungan kata di atas berfungsi sebagai satu perkataan atau kata tunggal dalam ayat ataupun frasa-frasa tertentu. Oleh itu gabungan kata di atas pada dasarnya boleh diklasifikasikan sebagai kata majmuk.

Walau bagaimanapun kita perlu mengkaji ciri-ciri gabungan kata itu dari aspek-aspek lain bidang makna, pengimbuhan dan penggandaan sebelum menerima kata tersebut sebagai kata majmuk. Penerokaan yang seterusnya ialah bidang makna.

Dalam bidang ini pula, didapati semua gabungan kata di atas mempunyai makna yang khas sekali dan bidang makna yang didukung oleh tiap-tiap kata yang menjadi ahli gabungan kata itu tidak dibatasi oleh leksikal kata-kata itu saja dan kadang-kadang makna asal kedua kata tadi lebur dan kata baru yang terhasil menimbulkan makna baru pula. Sebagai contoh:

kasut getah merujuk kepada "sejenis kasut khas yang dibuat dari getah".

kedai makan merujuk kepada "sejenis kedai di mana dijual berbagai makan".

anak tiri merujuk kepada “anak kepada suami atau isteri dari isteri atau suaminya yang lain”.

pinggan mangkuk merujuk kepada “berbagai jenis alat untuk mengisi makanan termasuk juga cawan, piring, sudu dan lain-lain”.

ibu bapa merujuk kepada “kedua-dua ibu dan bapa bukannya seorang ibu dan seorang bapa”.

Adakah kita hendak menerima semua kata di atas sebagai kata majmuk, kerana ternyata syarat minima dari segi pengertian kata majmuk dan juga bidang makna telah boleh menempatkan kata-kata tersebut sebagai golongan kata majmuk.

Ternyata huraian dan definisi di atas akan memberi kita satu senarai kata majmuk yang sangat banyak dan luas, mencakupi apa yang kita kenali sebagai ungkapan, parataksis dan juga sebilangan frasa. Bagi tujuan-tujuan praktikal seperti dalam pengajaran, penghuraian demikian tidaklah menjelaskan dan tidak mencukupi bagi menerangkan apakah sebenarnya kata majmuk itu, apatah lagi memandangkan sistem ejaan bagi kata majmuk ini tidak begitu selaras, iaitu ada yang disatukan ejaannya dan ada pula yang dipisahkan ejaannya.

Dengan tujuan mencari penyelesaian tentang masalah ini ada baiknya jika kita meninjau sejarah ataupun proses yang dilalui oleh gabungan kata yang menjadi kata majmuk itu. Menurut Asmah (82) timbulnya kata majmuk mungkin berdasarkan kebiasaan dalam tulisan jawi yang menimbulkan kata grafemis yang boleh terdiri dari dua kata nahuan atau lebih. Misalnya matahari (*متهاري*) dan kerjasama (*كرجسام*). Di samping itu ada juga kata-kata yang dibentuk berdasarkan konstruksi Sanskrit seperti **bumi putera** dan **urusetia**. Dan juga akhir-akhir ini bentuk kata majmuk ini digunakan oleh kerana hendak memenuhi keperluan mencari istilah Bahasa Malaysia sebagai padanan istilah Inggeris. Dilihat dari segi ini ternyata bahawa proses yang beransur-ansur dan terdapat satu kontinuum tentang kemantapan kata majmuk di mana pada satu hujung terdapat kata-kata yang tidak begitu mantap tarafnya sebagai kata majmuk dan di hujung yang lain pula terdapat kata majmuk yang telah begitu

mantap kedudukannya sehingga kadangkala perkataan itu dianggap sebagai satu kata tunggal saja, seperti halnya dengan perkataan **matahari**, **keluar**, **walaupun**, **meskipun**, **kadangkala**, **seringkali** dan **acapkali**.

Susulan dari pengamatan ini Prof. Asmah membahagikan kata majmuk kepada dua kategori iaitu kata majmuk jati dan kata majmuk perantaraan. Penulis cenderung untuk menggunakan cara penjenisan ini sebagai jalan tengah di antara dua pendapat yang berbeza, iaitu pendapat Lutfi (1982) yang menganggap kata majmuk sebagai, “dua kata atau lebih yang mempunyai urutan kata yang mengikut aturan tatabahasa dan yang mempunyai makna lain daripada gabungan makna bahagian-bahagian yang bukan kata tunggal, kata kompleks, frasa nama, parataksis, atau ungkapan; dan pendapat Liaw (1985) yang memasukkan ketiga frasa nama, parataksis dan ungkapan sebagai contoh kata majmuk”.

Kata majmuk jati dari definisi Asmah ialah kata majmuk yang mempunyai ikatan kemajmukan yang telah mantap. Ini tidak memerlukan imbuhan untuk bertaraf sebagai kata majmuk. Kata majmuk perantaraan pula ialah kata majmuk yang sama ada memerlukan imbuhan sebagai kata majmuk atau pun tidak menunjukkan ciri-ciri kemantapan dari segi penggandaan.

Oleh itu penggandaan dan pengimbuhan dapat jadi pengaji untuk membezakan antara kata majmuk jati dan kata majmuk perantaraan.

1. Penggandaan

Jika digandakan keseluruhannya, selagi wujud dua bentuk yang bersaing iaitu yang satu, di mana kedua-dua unsur kata digandakan dari kedua-dua kata pembentuk dari yang kedua di mana hanya unsur pertama kata tersebut yang diulang, maka kata itu tidak boleh dianggap sebagai kata majmuk jati. Berdasarkan kriteria ini maka gabungan kata di bawah ini dianggap sebagai kedua-dua unsur kata tersebut digandakan.

rekabentuk	aturcara	suruhanjaya	carigali
bumiputera	keretapi	jawatankuasa	cepumas

setiausaha	urusetia	dermasiswa	ubahsuai
hakmilik	tanahair	warganegara	ujikaji
urusniaga	rumahtangga	pancaindera	tanggungjawab
tandatangan	temuramah	ubahelok	

Di bawah ini diperturunkan senarai kata majmuk perantaraan yang mana hanya satu daripada unsur pembentuk kata majmuk itu yang digandakan.

bilik tidur	digandakan menjadi	bilik-bilik tidur
rumah sakit	” ”	rumah-rumah sakit
kapal terbang	” ”	kapal-kapal terbang
kaki lima	” ”	kaki-kaki lima
rumah pangsa	” ”	rumah-rumah pangsa
papan hitam	” ”	papan-papan hitam
anak-angkat	” ”	anak-anak angkat
ibu ayam	” ”	ibu-ibu ayam
balai polis	” ”	balai-balai polis
datuk nenek	” ”	datuk-datuk nenek
muka tembok	” ”	muka-muka tembok

Dalam kategori ini juga (kata majmuk perantaraan), boleh dimasukkan kata-kata yang hanya bertaraf sebagai kata majmuk jika dikenakan imbuhan, tetapi tanpa imbuhan ia adalah frasa.

ke samping	menjadi	dikesampingkan
ke tepi	”	mengetepikan
tidak adil	”	ketidakadilan
tidak pasti	”	ketidak pastian
ke muka	”	mengemukakan
ke bumi	”	mengebumikan
ke tengah	”	mengetengahkan
ke depan	”	mengedepankan
tidak puas	”	ketidakpuasan
salah guna	”	penyalahgunaan

Pengimbuhan

Jika pengimbuhan dilakukan pada kata majmuk jati, maka awalan, akhiran atau imbuhan terikat terbahagi tersebut akan berfungsi bersama-sama dengan kedua-dua unsur kata majmuk tersebut. Misalnya dalam kata **bertanggungjawab**, awalan **ber** berfungsi bersama-sama dengan tanggungjawab, bukan dengan **tanggung** sahaja atau jawab sahaja. Demikian juga dengan contoh-contoh di bawah ini:

berurusniaga	berumahtangga
pengubahsuaian	dipertanggungjawabkan
dikemaskinikan	ditandatangani
kewarganegaraan	mengadudombakan
merekabentuk	menghakmilikkan

Pembahagian antara kata majmuk jati dan kata majmuk perantaraan ini mungkin dapat menolong menyelesaikan kekeliruan di pihak guru. Pengenalan kata majmuk jati berdasarkan kriteria sama ada diganda seluruh perkataan atau sebahagiannya saja akan menyenangkan guru-guru memilih contoh-contoh dan juga dalam membetulkan contoh kata majmuk yang diberi oleh murid. Jika dalam bahasa Inggeris tekanan suara dapat membezakan antara kata majmuk dan frasa, maka dalam Bahasa Melayu penggandaan dapat menentukan sama ada gabungan kata itu ialah majmuk jati ataupun tidak.

Rujukan

1. Abdul Chaer Mad'ie, *Usaha Mencari Identiti Kata Majmuk Dalam Bahasa Indonesia*, Dewan Bahasa, Jun 1982.
2. Abdullah Hassan, *Linguistik am untuk guru-guru Bahasa Malaysia*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur: 1980.
3. Aishah Mahdi, *Kata Majmuk dalam Bahasa Malaysia Hari Ini*, Dewan Bahasa, Kuala Lumpur: Jun 1978.
4. Arbak Othman, *Tatabahasa Bahasa Malaysia*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur: 1984.
5. Asmah Hj. Omar, *Nahu Melayu Mutakhir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: 1980.
6. Gorys Kerat, *Tatabahasa Indonesia*, Nusa Indah, Jakarta: Cetakan X, 1984.
7. Liaw Yock Fang, *Nahu Melayu Moden*, Pustaka Nasional, Singapura: 1985.
8. Latfi Abbas, *Kata Majmuk*, Dewan Bahasa, Kuala Lumpur: Nov 1982.

BULAN BAHASA 1990 – KALENDAR KEGIATAN

Jumaat, 2.3.90

1. UPACARA PERASMIAN
BULAN BAHASA 1990
Tempat: - Auditorium DBS
Jam - 8.00 malam
Penganjur - JBMS

Sabtu, 3.3.90

2. FORUM MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA
Tempat: - Radio 2, SBC
Jam - 6.35 petang
Penganjur - SBC
3. PERADUAN BAHAS ANTARA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (Akhir)
Tempat: - Teater Syarahan I - IE
Jam - 2.30 petang
Penganjur - IE
4. SEMINAR
Tempat: - Dewan Syarahan, IE
Jam - 8.00 pagi
Penganjur - PGBM
5. PERADUAN BERCEKITA/CAKAP PETAH/ MEMBACA SYAIR
Tempat: - Balai Rakyat Kolam Ayer
Jam - 3.00 petang
Penganjur - Badan Kegiatan Melayu Teratai, Balai Rakyat Kolam Ayer

Ahad, 4.3.90

6. PERADUAN MENGARANG ESEI/ CERPEN/SAJAK
Penganjur - PWM

Rabu, 7.3.90

7. PERADUAN SAJAK, SELOKA & GURINDAM
Tempat: - Perkampungan Melayu, Geylang Serai
Jam - 8.00 malam
Penganjur - Kemuning

Khamis, 8.3.90

8. PERADUAN BERBALAS PANTUN
Tempat: - Perkampungan Melayu, Geylang Serai
Jam - 8.00 malam
Penganjur - Kemuning

Jumaat, 9.3.90

9. PESTA SASTERA REMAJA
Tempat: - Perkampungan Melayu,

Geylang Serai
Jam - 8.00 malam
Penganjur - PBM

Sabtu, 10.3.90

10. BICARA BAHASA & SASTERA (2 hari)
Tempat: - Mak. Rendah Tampines
Jam - 2.00 petang
Penganjur - BKM/Taman Bacaan
11. CERAMAH TEMASIK I
Tempat: - Perpustakaan Negara Marine Parade
Jam - 2.30 petang
Penganjur - KGMS
12. FORUM MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA
Tempat: - Radio 2, SBC
Jam - 6.35 petang
Penganjur - SBC

Ahad, 11.3.90

13. BICARA BAHASA & SASTERA (2 hari)
Tempat: - Mak. Rendah Tampines
Jam - 9.00 pagi
Penganjur - BKM/Taman Bacaan
14. SEMINAR SASTERA
Tempat: - Balai Rakyat Kg Ubi
Jam - 2.00 petang
Penganjur - Angkatan Kumpulan Muda Sastera (Kamus)

Isnin, 12.3.90

15. PERKHEMAHAN BAHASA (5 hari)
Tempat: - Kem Christine
Jam - 9.00 pagi
Penganjur - Unit Bahasa Melayu, MOE

16. PESTA SASTERA REMAJA

Tempat: - Perkampungan Melayu, Geylang Serai
Jam - 2.30 petang
Penganjur - PBM

Selasa, 13.3.90

17. PERKHEMAHAN BAHASA
Tempat: - Kem Christine
Jam - 9.00 pagi
Penganjur - Unit Bahasa Melayu, MOE

Rabu, 14.3.90

18. PERKHEMAHAN BAHASA
Tempat: - Kem Christine
Jam - 9.00 pagi
Penganjur - Unit Bahasa Melayu, MOE

19. **PERADUAN UNGKAPAN MENARIK**
 Tempat: - Perpustakaan Negara
 Geylang East
 Jam - 1.00 petang
 Penganjur - Perpustakaan Negara
 Geylang East & Bedok
20. **PESTA SASTERA REMAJA**
 Tempat: - Perkampungan Melayu,
 Geylang Serai
 Jam - 2.30 petang
 Penganjur - PBM
- Khamis, 15.3.90
21. **PERKHEMAHAN BAHASA**
 Tempat: - Kem Christine
 Jam - 9.00 pagi
 Penganjur - Unit Bahasa Melayu,
 MOE
22. **PERADUAN MEMBACA DALAM
 BAHASA MELAYU BAKU**
 Tempat: - Perpustakaan Negara
 Bukit Merah
 Jam - 2.30 petang
 Penganjur - Perpustakaan Negara
 Bt Merah & Queenstown
23. **BENGGAL MENGALAK
 ANAK-ANAK MEMBACA**
 Tempat: - Perkampungan Melayu,
 Geylang Serai
 Jam - 2.00 petang
 Penganjur - Persatuan Membaca
 & Persurtan
- Jumaat, 16.3.90
24. **PERKHEMAHAN BAHASA**
 Tempat: - Kem Christine
 Jam - 9.00 pagi
 Penganjur - Unit Bahasa Melayu,
 MOE
- Sabtu, 17.3.90
25. **KUIZ BAHASA**
 Tempat: - Perkampungan Melayu,
 Geylang Serai
 Jam - 10.00 pagi
 Penganjur - BKM
26. **PERADUAN SYARAHAN**
 Tempat: - Perkampungan Melayu,
 Geylang Serai
 Jam - 2.30 petang
 Penganjur - 4PM
27. **PUISI PERDANA**
 Tempat: - Auditorium PUB
 Jam - 8.00 malam
 Penganjur - ASAS 50
28. **FORUM MENGENAI PENGGUNAAN
 BAHASA MELAYU DI SINGAPURA**
 Tempat: - Radio 2, SBC
- Jam - 6.35 petang
 Penganjur - SBC
29. **PERSEMBAHAN BONEKA**
 Tempat: - Kampus IE
 Jam - 10.00 pagi
 Penganjur - Perbayu IE
30. **PERMAINAN BAHASA**
 Tempat: - Kampus IE
 Jam - 10.00 pagi
 Penganjur - Perbayu IE
- Ahad, 18.3.90
31. **PERADUAN MEMBACA SYAIR**
 Tempat: - Perkampungan Melayu,
 Geylang Serai
 Jam - 9.30 pagi
 Penganjur - Perwanit
32. **CEKAP BAHASA**
 Tempat: - Balai Rakyat Changkat
 Jam - 10.00 pagi
 Penganjur - Kumpulan Melayu
 GRC Tampines
- Rabu, 21.3.90
33. **MUSTIKA BAHASA**
 Tempat: - Perpustakaan Negara
 Marine Parade
 Jam - 3.00 petang
 Penganjur - Perpustakaan Negara
 Marine Parade & PPP
- Khamis, 22.3.90
34. **PERADUAN TEKA BAHASA ISYARAT**
 Tempat: - Perpustakaan Negara
 Toa Payoh
 Jam - 2.30 petang
 Penganjur - Perpustakaan Negara
 Toa Payoh
- Jumaat, 23.3.90
35. **UPACARA PENUTUP BULAN BAHASA**
 Tempat: - Panggung Victoria
 Jam - 8.00 malam
 Penganjur - JBMS
- Sabtu, 24.3.90
36. **BENGGAL "BACALAH BERSAMA
 ANAK ANDA"**
 Tempat: - Perpustakaan Negara
 Ang Mo Kio
 Jam - 2.30 petang
 Penganjur - Perpustakaan Negara Ang
 Mo Kio & Yayasan Mendaki
37. **FORUM MENGENAI PENGGUNAAN
 BAHASA MELAYU DI SINGAPURA**
 Tempat: - Radio 2, SBC
 Jam - 6.35 petang
 Penganjur - SBC